

PM arah percepat fasa 2 sistem amaran banjir

Gesaan babit 38 lembangan sungai utama bolehkan ramalan awal lebih tepat dikeluarkan

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Mohd Nasaruddin Parzi dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sudah mengarahkan agensi yang bertanggungjawab supaya mempercepat pembangunan Fasa Kedua Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) yang diuruskan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), membabitkan 38 lembangan sungai utama seluruh negara bagi membolehkan ramalan awal

banjir yang lebih tepat dikeluarkan.

Perdana Menteri berkata, dari segi hebahan kepada orang awam, kaedah terbaik dan terpentas untuk mengeluarkan amaran awal dan arahan berseada khususnya kepada penduduk di kawasan rendah dan berisiko banjir perlu ditambah baik seperti menggunakan aplikasi WhatsApp dan *push notification* melalui kerjasama dengan syarikat telekomunikasi.

Selain itu katanya, penghasilan visual simulasi banjir dan infografik juga perlu diberi perhatian, yang boleh disebar luas melalui media massa dan media sosial.

“Bagi penyediaan makanan kepada mangsa banjir pula, penggunaan teknologi retort atau makanan sedia dimakan boleh diguna pakai untuk diedarkan kepada mangsa banjir kerana kaedah pembungkusan itu lebih tahan lama dan kalis air.

“Pengerusi dan agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan

Bencana di setiap peringkat perlu mahir dan memainkan peranan masing-masing selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No 20.

“Sudah tiba masanya kita juga memperkasa peranan dan sumbangan organisasi masyarakat sivil (CSO) dalam pengurusan bencana serta mengalu-alukan pembabitan mereka, yang jika dilakukan secara terselaras, dapat melancarkan lagi proses penyampaian bantuan kepada mereka yang terjejas,” katanya ketika menerangkan situasi bencana banjir pertengahan Disember 2021 pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, semalam.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, pemerkasaan komuniti perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan masyarakat yang berdaya tahan terhadap bencana dan berperanan sebagai *first responder*, dan bukan hanya bergantung kepada agensi penyelamat semata-mata.

Perdana Menteri memaklumkan, beliau juga sudah menga-



Ismail Sabri ketika sesi Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, semalam.

(Foto ihsan Jabatan Penerangan)

rahkan NADMA mempercepat pengubalan Akta Pengurusan Bencana, selain akan memanggil mesyuarat membabitkan Menteri Besar, Ketua Menteri, Setiausaha Kerajaan Negeri serta wakil kerajaan negeri untuk membuat perancangan jangka panjang yang menyeluruh bagi mengatasi masalah banjir.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, andaian hanya negeri di Pantai Timur Semenanjung yang akan terjejas banjir akibat luruan monsun telah menyebabkan banjir luar biasa di Selangor pada 18 Disember selepas amaran tidak diendahkan sesetengah pihak terbabit secara langsung dengan pengurusan bencana.

Katanya, Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) mengeluarkan enam kali amaran cuaca signifikan yang boleh mengakibatkan hujan lebat, termasuk di Selangor, tetapi tidak dipedulikan sesetengah pihak yang terbabit secara langsung dalam pengurusan bencana.

“Persediaan bagi menghadapi

musim tengkujuh juga lebih banyak tertumpu kepada Pantai Timur dan banjir luar biasa di Selangor adalah di luar jangkaan banyak pihak,” katanya.

Perdana Menteri berkata, menyedari situasi banjir yang kritikal di Selangor, beliau bergegas ke Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) pada tarikh kejadian bagi mendapatkan maklumat dan mengetahui situasi sebenar di lapangan melalui penerangan Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Dr Aminuddin Hassim dan segera mengaktifkan talian hotline bagi memudahkan aduan dan pertanyaan berkaitan banjir melalui NDCC.

Selain itu katanya, berikutan kelewatan operasi menyelamatkan dan penghantaran bantuan yang diselaraskan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri (JBPN) dan Daerah (JBPD) sehingga mendapat reaksi negatif rakyat, beliau mengambil keputusan mempengetatkan beberapa siri mesyuarat.